Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul

| | | | |
|---|---|---|---|
| disukai | mengeratkan | beratur | bekerjasama |
| menjempul | amanah | menghormati | bertanya |
| | mengetuk | berusaha | |

Sikap saling membantu antara warga sekolah dapat ______________ perhubungan.

Sebagai pelajar, kita mestilah ______________ guru-guru dan warga sekolah yang lain.

Kita hendaklah ______________ dalam menjayakan aktiviti di sekolah.

Murid yang mengamalkan sikap bekerjasama akan ______________ oleh rakan-rakan.

Ruslan telah mendapat anugerah pelajar cemerlang kerana dia seorang yang rajin ______________.

Apabila diberikan tugas, kita hendaklah menjalankan tugas itu dengan ______________ dan jujur.

Ketika membeli makanan di kantin, kita hendaklah ______________.

Sarina ______________ pintu sebelum masuk ke bilik guru.

Hafiza ______________ semua rakan kelas ke majlis hari lahirnya.

Kamala akan ______________ kepada guru jika dia tidak memahami mengenai sesuatu perkara yang diajar di sekolah.

LIVEWORKSHEETS

Pilih jawapan yang sesuai dan tuliskan di ruangan yang disediakan.

- Memujuk budak tersebut dan membantu membawanya ke kelasnya.
- Menawarkan bantuan untuk membeli makanan buat kawan.
- Turut serta membantu kawan-kawan mengemaskan kelas.
- Membantu memapah kawan ke bilik rawatan sekolah.
- Membantu guru mengangkat buku-buku tersebut.

| Situasi | Cara Membantu Warga Sekolah |
|---|---|
| 1. Suraya menangis kerana kehilangan duit dan tidak dapat membeli makanan. | ______ |
| 2. Edward jatuh pengsan semasa perhimpunan sekolah. | ______ |
| 3. Nafisah dan Mei Lan ternampak gurunya mengangkat buku yang banyak. | ______ |
| 4. Muthu nampak seorang budak tahun satu menangis kerana tidak jumpa kelasnya. | ______ |
| 5. Hidayah ternampak kawan-kawannya sedang mengemas kelas. | ______ |

LIVEWORKSHEETS

A.*Garis jawapan yang betul.*

1. *Seseorang yang melakukan kejahatan akan dibalas dengan ( pahala / dosa).*
2. *Jika kita melakukan kesilapan dengan orang lain, kita boleh ( meminta / menolak) maaf.*
3. *Setiap orang perlu bercakap dengan bahasa yang ( kasar / sopan ) agar tidak menyinggung perasaan orang lain.*
4. *Pelbagai cara seseorang menunjukkan tanda ( kesyukuran / keseronokan ) kepada Tuhan.*
5. *Perbuatan yang baik akan mendapat ganjaran ( pahala / dosa )*

B.*Lengkapkan ayat di bawah dengan perkataan yang diberikan.*

| Maafkan | terima kasih | Silalah makan | Selamat jalan |
|---|---|---|---|
| Tolong | Bolehkah | Maafkan saya | |

6. *"__________________________saya kerana terpaksa pulang lebih awal," kata Veronica kepada rakannya, Connie.*
7. *"__________________________ saya masuk?" Kata Alfred kepada Chars.*
8. *Mary Ruby menguncapkan ___________________ kepada Mak Cik Asiah kerana memberikannya hadiah baju baharu.*
9. *"__________________________ ambilkan buku yang tebal itu untuk saya," minta Cikgu Chelereensia.*
10. *"______________________________," Nadia menjemput rakan-rakannya untuk makan.*
11. *Jason ingin ke tandas sewaktu guru sedang mengajar, dia meminta izin daripada gurunya." ______________________________, cikgu boleh saya ke tandas sebentar?"*

LIVEWORKSHEETS

**ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN**

**A. Padankan gambar dengan tindakan yang sesuai.**

1. 

2. 

3. 

4. 

5. 

- Tidak terpengaruh dengan ajakan rakan untuk melakukan kejahatan.
- Memberitahu ibu bapa mengenai perlakuan abang menghisap rokok dibelakang sekolah.
- Menegur jiran yang memasang radio terlalu kuat semasa anda sedang belajar.
- Meminta maaf jika melakukan kesalahan.
- Menolak pelawaan rakan untuk memakai pakaian yang kurang sopan ke majlis hari jadinya.

LIVEWORKSHEETS

**Bulatkan jawapan yang betul.**

**1.** Devi penganut beragama Hindu. Dia bersembahyang di ________.

**A** kuil **C** gereja
**B** masjid **D** tokong

**Soalan 2** berdasarkan gambar berikut.



**2.** Penganut beragama ________ bersembahyang di tokong.

**A** Islam
**B** Hindu
**C** Buddha
**D** Kristian

**Soalan 3** berdasarkan gambar berikut.



**3.** Murid-murid di dalam kelas yang sama perlu ________ antara satu sama lain.

**A** berlawan **C** bertoleransi
**B** bersaing **D** bermusuh

Rakan-rakan yang baik akan saling ________ antara satu sama lain.

**A** mendengki
**B** bekerjasama
**C** bergaduh
**D** membenci

**5.** Rakan sekelas anda sedang kesakitan. Anda patut ________.

**A** membiarkannya
**B** memberitahu guru
**C** mengusiknya
**D** memerhatikannya

**Soalan 6** berdasarkan gambar berikut.



**6.** Kami sering ke perpustakaan untuk membaca dan ________ buku-buku.

**A** mengoyak **C** menconteng
**B** meminjam **D** menjual

**7.** Semasa di sekolah sifat kesederhanaan boleh ditunjukkan dengan ________ barang dengan rakan.

**A** menyimpan **C** mengguna
**B** menyorok **D** berkongsi

LIVEWORKSHEETS

8. Apakah situasi yang tidak boleh dilakukan di sekolah?
   I Melawan cakap guru
   II Mencuri duit rakan
   III Memberikan bantuan kepada guru
   IV Mendapatkan keputusan yang cemerlang
   **A** I dan II  **C** II dan III
   **B** I dan IV  **D** III dan IV

**Soalan** 9 berdasarkan gambar berikut.



9. Aman telah melakukan kesalahan, dia telah ditegur oleh gurunya. Apakah yang perlu dilakukan oleh Aman berdasarkan situasi di atas?
   **A** Memohon maaf atas kesalahannya
   **B** Merajuk dan terus masuk ke kelas
   **C** Membiarkan saja gurunya
   **D** Terus pulang ke rumah

10. Antara berikut merupakan tanggungjawab kepada sekolah, **kecuali**
   I menjaga nama baik sekolah.
   II menghormati rakan dan guru.
   III mengganggu rakan-rakan.
   IV menyusahkan guru dengan masalah disiplin.
   **A** I dan II
   **B** I dan IV
   **C** II dan III
   **D** III dan IV

**Soalan 11** berdasarkan gambar berikut.



11. Jika sesuatu masalah berlaku di dalam kelas. Apakah kaedah yang paling sesuai boleh diambil?
   **A** Bertengkar sesama sendiri
   **B** Mengadakan perbincangan secara rasional
   **C** Bermasam muka dan tidak bertegur antara satu sama lain
   **D** Berdiam diri untuk mengelakkan pergaduhan yang lebih besar

**Soalan** 12 berdasarkan gambar berikut.



12. Berikut merupakan kebaikan menyertai aktiviti di sekolah, **kecuali**
   I dapat mengeratkan hubungan.
   II dapat belajar berdisiplin.
   III dapat membuang masa.
   IV dapat mengelak daripada ibu bapa.
   **A** I dan II
   **B** II dan III
   **C** I, II dan IV
   **D** I, II, III dan IV

LIVEWORKSHEETS

Soalan 13 berdasarkan gambar berikut.



13. Apakah yang akan kamu lakukan jika melihat situasi tersebut?
A Lalu di jalan lain
B Membuang sampah tersebut
C Memberitahu kepada guru
D Menuduh rakan yang melakukan

14. Berikut merupakan kebaikan bersukan pada masa lapang, **kecuali**
A dapat mencerdaskan minda.
B tidak membuang masa.
C kesihatan sentiasa terjaga.
D dihargai oleh orang ramai.

15. Antara berikut, yang manakah menunjukkan aktiviti yang perlu dielakkan?
A Membuang sampah ke dalam sungai
B Menanam tayar yang tidak digunakan lagi
C Menanam pokok di sekitar rumah
D Mengitar semula barang terpakai

16. Apakah nilai murni jika kita membantu rakan yang susah?
A Ikhlas
B Kejujuran
C Keadilan
D Baik hati

17. Mengapakah kita perlu mengamalkan sikap jujur?
A Supaya kita mendapat kemewahan hidup
B Supaya hidup kita bahagia dan gembira
C Supaya kita dihormati rakan-rakan
D Supaya orang lain berasa cemburu

18. Apakah ucapan yang sesuai ketika bertemu guru?
A Terima kasih, cikgu
B Selamat pagi, cikgu
C Hoi, cikgu
D Hai, cikgu

19. Ismail membelikan pensel baru untuk saya, saya mengucapkan ____________.
A sama-sama
B terima kasih
C tahniah
D takziah

Soalan 20 berdasarkan gambar berikut.



20. Saya membantu guru ____________ buku. Saya bertanggungjawab meringankan beban guru.
A merosakkan
B menconteng
C mengangkat
D mengambil

LIVEWORKSHEETS